



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 6 JANUARI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	AGRICULTURE MINISTER : MINISTRY EVALUATE NET LOSS FROM ALL FARMING PRODUCTS, ONLINE, KWONG WAH YIT POH KENAL PASTI KERUGIAN PERTANIAN AKIBAT BAH, LOKAL, HARIAN METRO -7	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3.	JABATAN VETERINAR PERKETAT PROSEDUR IMPORT DAGING, NASIONAL, BERITA HARIAN -3	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
4. 5. 6.	BAKAR KERANG BANTAH KES KECURIAN BENIH KERANG, NEGERI, SINAR HARIAN - 19 DISABLED MAN HAS FIGHTING SPIRIT, NEWS IN BRIEF, NST -12 JABATAN PERIKANAN DIGESA SIASAT, AMBIL TINDAKAN, JAGA SUNGAI KITA, BERITA HARIAN -19	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7. 8.	GESA TUBUH RCI SIASAT ISU KARTEL DAGING, LOKAL, HARIAN METRO -6 RAMAI RAGU BELI DAGING IMPORT, LOKAL, HARIAN METRO -6	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
9. 10. 11. 12.	ONLY MAKE ASSESMENT ON AGRICULTURAL LOSS 45 DAYS AFTER WATER RECEDED, ONLINE CHINA PRESS TRACKING SYSTEM FOR PADI SEEDS, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -2 PANTAU PENGEDARAN BENIH PADI SAH, NEGERI PERAK/ P.PINANG, SINAR HARIAN -21 TREKBPS HELPS WITH SUPPLY CHAIN MONITORING, ONLINE, BORNEO POST (KK)	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
13. 14.	TRAINING FOR B40 COMMUNITY IN PINEAPPLE, POULTRY FARMING, JOHOR, STAR METRO -5 PESAWAH GUSAR PADI TAK MENJADI, LOKAL, HARIAN METRO -9	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Agriculture minister : Ministry evaluate net loss from all farming products		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	06 Jan 2021	Color	Black/white
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A4b	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	66 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 310
Frequency	Daily	PR Value	RM 930



农长:水灾消退后45天内 评估各州农作物亏损

(霹雳巴西沙叻 5 日讯) 农业及食品工业部长拿督斯里罗南建迪指出, 政府只能在水灾消退后的 45 天内, 评估水灾对数个州属造成的农作物破坏及亏损额。

他说, 该部密切监督此事, 也收到受灾区报告, 包括综合农业发展区的稻田。

“部门了解农民及畜牧业者面对水灾的焦虑及困境。”

“我们知道霹雳、柔佛及彭亨州发生水灾, 肯定在水灾消退后我们才能评估。”他周二在实勿朗霹雳综合农业发展区出席稻米种子派发活动后, 向记者这么说。

罗南建迪提到, 部门每年拨款约 8000 万令吉予农业, 作为天灾援助基金协助受灾者。#

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/12/2021	HARIAN METRO	LOCAL	7

Kenal pasti kerugian pertanian akibat bah

Pasir Salak: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan sedang mengenal pasti kerugian dialami sektor pertanian dan penternakan di seluruh negara yang terjejas akibat banjir.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, bantuan akan diberikan selepas proses penilaian dilakukan.

Menurut beliau, penilaian membabitkan semua jenis tanaman dan ternakan itu hanya boleh dibuat sekurang-kurangnya 45 hari selepas banjir surut.

"Banjir melanda beberapa negeri dan kita sedang memantau dan menerima laporan daripada semua kawasan terjejas untuk menilai kerosakan serta kerugian yang berlaku akibat bencana alam ini.

"Bagaimanapun, kita perlu menunggu banjir surut terlebih dahulu untuk membuat penilaian itu dan

ia mengambil masa sekurang-kurangnya 45 hari," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Program Agihan Benih Padi Sah dan Ziarah Peladang Negeri Perak di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Seberang Perak, Chenderong Balai di sini, semalam.

Ronald berkata, kementerian memberi jaminan akan memastikan semua petani dan penternak yang terjejas banjir akan menerima bantuan.

"Di peringkat kementerian, kita mempunyai dana tahunan yang meliputi semua jenis tanaman dan penternakan untuk diberikan bantuan disebabkan oleh bencana alam.

"Seluruh industri pertanian, kita ada RM80 juta sebagai dana untuk bencana alam termasuk penanaman buahan, sayuran dan industri lain," katanya.

Jabatan Veterinar perketat prosedur import daging

Peraturan babit 9 negara sumber bagi tangani isu keraguan status bekalan

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) kini memperketatkan prosedur import daging sejuk beku ke Malaysia, membabitkan sembilan negara sumber bagi menangani isu keraguan terhadap status bekalan berkenaan.

Bermula Jumaat lalu (1 Januari), semua konsalmen daging import dari Australia, New Zealand, Brazil, Argentina, Amerika Syarikat, Jepun, Afrika Selatan, India dan Pakistan, wajib dilekatkan label khas di bahagian luar dan dalam kotak, sebelum boleh dihantar ke Malaysia.

Label itu wajib mengandungi nama dan logo badan halal negara pengeksport yang diiktiraf JAKIM, butiran lengkap pusat penyembelihan diiktiraf pihak berkuasa Malaysia, termasuk nama, alamat dan nombor pentadbiran (establishment) rumah sembelihan berkenaan.

Ketua Pengarah JPV, Datuk Dr Norlizan Mohd Noor, berkata label itu juga perlu mempunyai maklumat nombor lot atau kumpulan bekalan daging serta tarikh penyembelihan ternakan terbit diiktiraf.

"Syarat terbaru ini dikuatkuasakan bertujuan menambah baik keupayaan daya jejak dan memudahkan proses pemeriksaan dan pengesanan di pintu masuk negara oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS).

"Semua rumah penyembelihan dan loji pemrosesan daging yang sudah lulus pengauditan dan diiktiraf untuk kelulusan eksport ke Malaysia, juga wajib didaftarkan di dalam sistem e-Permit," katanya kepada *BH* semalam.

Bellau berkata demikian sebagai mengulas langkah diambil JPV bagi memperkemas prosedur import daging, susulan isu kartel daging yang dilaporkan mengimport daripada sumber tidak sah sebelum ditampal logo halal yang dipalsukan.

JPV adalah agensi kerajaan kedua membuat penambahbaikan terhadap bekalan daging import selepas tindakan sama dilaksanakan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang mengeluarkan pelan tindakan menangani isu keraguan status halal daging import.

Isu kartel daging meresahkan



Keratan akhbar *BH* Sabtu lalu.



Dr Norlizan Mohd Noor

pengguna, khususnya umat Islam negara ini kerana perbuatan itu jelas membabitkan penipuan oleh pengimport dan penyelewengan serta korupsi dalam kala-

ngan pihak bertanggungjawab mengawasinya di pintu masuk negara.

Dr Norlizan berkata, mana-mana syarikat yang memohon permit import daging hanya boleh memilih rumah penyembelihan dan loji pemrosesan daging yang disenaraikan dalam daftar e-Permit sahaja.

"Manakala syarikat yang diberikan kelulusan mengimport daging adalah juga yang berdaftar dalam sistem terbitan.

"Hanya syarikat yang sudah berdaftar yang boleh memasuki sistem untuk tujuan permohonan permit import daging," katanya.

Tidak tolak kemungkinan syarikat ternama dalang penyeludupan

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak menolak kemungkinan pembabit syarikat ternama dalam kartel mendalangi kegiatan penyeludupan daging sejuk beku ke Malaysia.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki, berkata SPRM sedang menjalankan siasatan menyeluruh berhubung kegiatan kartel terbit, bagi membuktikan pembabit pihak berkenaan.

"Sekiranya sudah membabitkan kartel seperti yang didakwa, kami percaya mesti ada 'taikun' atau syarikat ternama yang terbit dalam perkara ini. SPRM akan siasat dan tiada sesiapa akan terlepas.

"Bagaimanapun, nama syarikat atau taikun yang dipercayai terbit tidak dapat didedahkan kerana ia masih dalam peringkat siasatan," katanya ketika muncul dalam program bual bicara stesen televisyen, NTV7, semalam.

BERNAMA melaporkan Azam ketika muncul dalam program itu, sebagai berkata adalah tidak adil jika nama syarikat itu didedahkan ketika ini kerana kes masih dalam siasatan, manakala dakwaan pembabit kartel daging secara haram juga hanya berdasarkan laporan media.

Isu kartel daging import mula mendapat perhatian ramai selepas media baru-baru ini melaporkan taktik kartel menyeludup daging sejuk beku dari luar negara sebelum membungkus semula daging berkenaan dengan menggunakan logo halal dan menjualnya di pasaran seluruh Malaysia.

Pertengahan bulan lalu, *BH* mendedahkan ada kartel mendalangi penyeludupan daging import dari negara sumber tidak sah yang diragui status halal dan kualitinya, dengan 'membeli' beberapa kakitangan kerajaan termasuk pegawai kanan agensi tertentu bagi melepasi pemeriksaan di pintu masuk negara.

Wang ringgit dan habuan berlibur dikatakan diguna bagi merasuah pegawai terbit sebagai dorongan 'melepaskan' haram yang diimport tanpa mengikut peraturan ke pasaran negara ini.

Susulan itu, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Huzir Mohamed, tidak menolak kemungkinan aktiviti penyeludupan oleh kartel daging import membabitkan rangkaian yang luas serta didalangi sindiket dalam dan luar negara berdasarkan jumlah rampasan dan nilai sitaan produk itu sebelum ini.

SPRM perlu dalam audit loji sembelih

Kuala Lumpur: Wakil Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu dibabitkan dalam audit yang dilaksanakan terhadap loji penyembelihan sebelum diiktiraf layak memproses bekalan daging import ke Malaysia.

Selain itu, wakil badan bukan kerajaan (NGO) yang terbit dalam industri halal di negara ini, juga perlu dibabitkan dalam audit berkenaan sebagai pemantau.

Bekas Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata beliau pernah cuba menambah baik prosedur audit loji penyembelihan di luar negara ketika pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan (PH).

Bellau berkata, antara usaha penambahbaikan yang dirancang di bawah MOA ketika itu ialah turut membawa wakil Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam proses audit loji penyembelihan di luar negara.

"Sebelum ini, dalam proses au-

Antara usaha tambah baik yang dirancang di bawah MOA ketika itu ialah turut membawa wakil SPRM dalam proses audit loji penyembelihan di luar negara.

Salahuddin Ayub,
Bekas Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

dit itu, ada tiga pihak yang pergi ke loji penyembelihan iaitu Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Kementerian Kesihatan (KKM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

"Kita cuba menambah bila-

ngan itu dengan mencadangkan wakil SPRM dan badan bukan kerajaan (NGO) yang terbit dalam industri halal untuk menjadi pemantau. Namun tidak sempat dilaksanakan," katanya.

Salahuddin yang juga Timbalan Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH), memberitahu pemberita selepas mewakili parti itu menyerahkan memorandum kepada Istana Negara bagi memohon penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) membabitkan isu kartel daging.

Memorandum itu diserahkan kepada Setiausaha Sulit Kanan kepada Yang di-Pertuan Agong, Kolonel (B) Datuk Nazim Mohd Alim.

Sebelum ini, *BH* melaporkan kewujudan kartel yang bertindak menyeludup bekalan daging sejuk beku import di pintu masuk negara yang diragui status halal dan kualitinya dengan 'membeli' pegawai di kerajaan.

Pada masa sama, Salahuddin

berkata, penubuhan RCI itu disifatkan penting untuk merungkai misteri kepada kekebalan syarikat kartel daging sejuk beku import yang sudah berlarutan sejak 40 tahun lalu.

Katanya, sebagai individu yang pernah mentadbir Kementerian berkaitan dengan bekalan daging import ini, beliau sendiri bersedia untuk memberikan keterangan melalui RCI terbit.

"Kami memohon limpah kurunila Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah untuk menyegerakan penubuhan RCI untuk mendedahkan mereka yang terbit dalam isu ini sekali gus diheret ke muka pengadilan," katanya.

"AMANAH juga akan menulis sepucuk surat kepada baginda untuk diserahkan kepada Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja supaya menjadikan isu ini sebagai agenda dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/12/2021	SINAR HARIAN	NEGERI	19

Bakar kerang bantah kes kecurian benih kerang

PUTRAJAYA - Ketua UMNO Bahagian Sungai Besar, Datuk Seri Jamal Md Yunos bersama dua nelayan tempatan bertindak membakar kerang di hadapan bangunan Ibu Pejabat Jabatan Perikanan Malaysia bagi menyatakan bantahan berhubung kes kecurian benih kerang yang berlaku di Sekincin.

Menurutnya, kecurian benih kerang itu berlaku sejak tiga minggu lalu di Pantai Redang dipercayai dilakukan oleh nelayan Thailand dengan menggunakan sampan jenis rotor atau enjin biawak.

"Lebih kurang 100 bot rotor secara berkumpulan mencuri benih-benih kerang di tapak semula jadi secara haram dan telah merosakkan ekosistem," katanya selepas menghantar memorandum kepada jabatan itu di sini pada Selasa.

Beliau berkata, pihak nelayan telah membuat aduan kepada Jabatan Perikanan Malaysia.

"Namun maklum balas oleh penguat kuasa



Jabatan ini akan memberi sokongan penuh terhadap siasatan yang dijalankan."

Jabatan Perikanan bawakan mereka kekurangan peralatan, bot dan kapal," katanya.

Terdahulu, Jamal menyerahkan memorandum tersebut kepada Pegawai Khas Ketua Pengarah Perikanan, Mohd Azhar Mohd Zin.

Ditanya mengenai tangkapan yang dibuat oleh Jabatan Perikanan, beliau menyifatkan ianya sebagai 'wayang'.

"Kalau dia cakap ada tangkapan, kenapa tiada pendakwaan dibuat," katanya.

Sementara itu, Jabatan Perikanan Malaysia mengalu-alukan sebarang laporan berkaitan salah laku kakitangannya yang menyalahi undang-undang atau tidak mempunyai integriti.

Jabatan Perikanan Malaysia dalam satu kenyataan pada Selasa memaklumkan, sebarang bukti boleh diserahkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau polis untuk tindakan lanjut.

"Jabatan ini akan memberi sokongan penuh terhadap siasatan yang dijalankan," kata kenyataan tersebut.

Kenyataan turut menyebut bahawa aktiviti pengambilan benih kerang di kawasan tapak benih semula jadi oleh penternak, nelayan termasuk penggunaan bot berenjin rotor adalah tidak dibenarkan.

"Jabatan akan sentiasa melakukan rondaan serta pemantauan di laut dan darat bagi mengekang kes kecurian benih kerang," katanya.

Menurut kenyataan itu juga, tindakan penguatkuasaan bersama agensi lain akan diteruskan sama ada di laut atau di darat.

"Jabatan menyambut baik cadangan-cadangan yang disampaikan," katanya.



Fighting fish breeder Mohd Faizal Khamis at his home and fish farm in Kampung Batu 7, Simpang Renggam, Johor, recently. BERNAMA PIC

Disabled man has fighting spirit

KLUANG

MOHd Faizal Khamis may be wheelchair-bound, but he has never allowed his disability to stand in the way of attaining success as an entrepreneur.

He breeds betta fish, more commonly known as fighting fish, for sale and runs a thriving business from his home in Kampung Batu 7 in Simpang Renggam, Johor.

Faizal, 38, became paralysed from the waist downwards due to a nerve disorder at age 11.

He said demand for fighting fish surged so much during the Movement Control Order (MCO) that the fish were often in short supply.

"My hobby and interest in rearing fighting fish peaked in 2016. During the MCO, there was an overwhelming demand for the ornamental fish, probably because people had more time to tend to the fish."

He said he had been busy serving hordes of customers, some of whom were willing to spend up to 10 hours at his farm to ensure they got the best ones.

Fighting fish are small freshwater fish native to Southeast Asia and known for their dramatic and vibrant flowing fins, as well as their combatant nature.

Faizal took up fighting fish rearing as a hobby in 2007 and decided to make a business out of it in 2013 after learning how to breed the fish from online resources.

"In 2013, when I was looking for something to do to generate income, I thought of rearing guppy fish at first. But I decided to try my hand at breeding fighting fish after I read an article about it and found out more about it on blogs. That was how my company Steady Betta was established."

Faizal is the youngest of 12 siblings and studied only up to Year Six.

He said he had never regarded his disability as an impediment to his personal development.

With a capital of just RM200, he bought a pair of fighting fish of a local species and

has never looked back.

Two years ago, the Fisheries Department helped him buy RM20,000 worth of equipment for his business.

Today, he breeds about 1,000 mature fighting fish and fish fry of the Crown Tail, Half Moon, Giant and Dumbo species in his mini-farm in the garden of his house.

He also breeds water fleas in tanks laced with green algae. Known as moina, the fleas serve as food for the fighting fish.

Recently, he also started to feed his fish wolffia, an aquatic plant that is high in protein.

Faizal, whose mini-farm is monitored by the Kluang district Fisheries Department, has many acquaintances in Malaysia, Thailand, Brunei and Vietnam who share information on the breeding of fighting fish.

Faizal's fighting fish can fetch between RM10 and RM2,000 for a pair, with prices varying according to the fish's special features.

The Crown Tail species is a favourite, especially among customers who wish to enter fighting fish competitions.

There was an incident where thieves broke into his house compound one night and carted away jars containing about 20 fighting fish and water fleas.

"Luckily, the fish that were stolen were not the high-grade varieties. Ever since that incident, I can only sleep lightly at night," said Faizal, whose mother, Mon Omar, 78, and sister, Rosie, 44, assist him in running his mini-farm.

Faizal also has a television and radio repair certificate from the Industrial Training and Rehabilitation Centre in Bangi, Selangor.

Faizal, whose fighting fish has won top prizes at various competitions at the district and state levels, urged people with disabilities to strive to be independent and to keep learning to be successful.

"Look at me. Eight years ago, I didn't know anything, but now I've become a fighting fish breeder. From zero to hero."

Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/1/2021	BERITA HARIAN	JAGA SUNGAI KITA	19

Ceroboh kawasan pembenihan kerang

Jabatan Perikanan digesa siasat, ambil tindakan

Putrajaya: Jabatan Perikanan digesa menjalankan siasatan dan mengambil tindakan segera terhadap aktiviti pencerobohan kawasan pembenihan kerang di sekitar pesisir pantai Sungai Leman, Sungai Besar di Selangor, sejak dua minggu lalu.

Ketua UMNO Bahagian Sungai Besar, Datuk Seri Jamal Md Yunos, berkata beliau yang turut meninjau aktiviti di kawasan pesisir pantai itu mendapati kira-kira 100 bot tidak dikenali menggunakan peralatan tangkapan moden menjalankan aktiviti di kawasan berkenaan.

Beliau berkata, penggunaan penangkapan moden itu boleh merosakkan benih kerang dan ia turut didalangi penduduk tempatan.

Katanya, negara mengalami kerugian hasil laut yang tinggi kerana bagi setiap setin minyak tanah benih kerang boleh menghasilkan sehingga 10 tan kerang matang.

“Aktiviti berleluasa tanpa pemantauan pihak berkuasa itu

mendapat permintaan tinggi dari pembeli di Thailand yang membeli sekitar RM1,000 bagi setiap tin minyak tanah,” katanya selepas menyampaikan memorandum kepada Ketua Pengarah Perikanan, Ahmad Tarmidzi Ramly yang diwakili pegawainya, Mohd Azhar Mohd Zain.

Jamal sebelum ini dilaporkan membakar kerang di hadapan Pejabat Perikanan Daerah Sabak Bernam di Sungai Besar bagi membantah tindakan pencerobohan itu.

Beliau sekali lagi melakukan perkara sama berhampiran Jabatan Perikanan di Presint 3 sebagai sindiran kepada jabatan itu berikutan kegagalan membendung aktiviti mencuri benih kerang di sekitar pesisir pantai Sungai Leman, Sekinchan.

Katanya, kegagalan pihak berkuasa mengambil tindakan terhadap mereka yang melakukan perbuatan itu menimbulkan tanda tanya dalam kalangan penduduk jika sebenarnya ada unsur rasuah.

Gesa tubuh RCI siasat isu kartel daging

Kuala Lumpur: Parti Amanah Negara (Amanah) mahu Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) ditubuhkan bagi melakukan siasatan menyeluruh terhadap pihak yang terlibat dalam menguruskan kartel daging haram yang diedarkan dalam pasaran di negara ini.

Timbalan Presidennya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, tindakan itu penting bagi membolehkan siasatan terperinci dilakukan berhubung isu terbabit yang didakwa sudah 'bertapak' di negara ini lebih 40 tahun lalu. Menurutnya, beliau me-

wakili umat Islam di negara ini memohon Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menubuhkan RCI dengan segera untuk menyiasat perkara ini.

"Saya mohon limpah kuria supaya baginda memilih tokoh yang dirasakan berhak untuk menganggotai RCI yang bakal ditubuhkan nanti, selain baginda sendiri mengetuai suruhanjaya itu supaya isu itu da-

pat didedahkan kepada umum serta mereka yang terbabit diheret ke muka pengadilan.

"Saya bersedia menawarkan diri sekiranya RCI ditubuhkan untuk memberi keterangan memandangkan antara kewajiban Kementerian Pertanian (MOA) pada waktu itu adalah meluluskan permit import kepada setiap rumah sembe-

lihan di negara yang kita import daging halal untuk rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyerahkan memorandum kepada Setiausaha Sulit Kanan baginda Kolonel (B) Datuk Nazim Mohd Alim di hadapan Pintu 3 Istana Negara di sini, semalam.

Salahuddin berkata, sebagai bekas Menteri Pertanian, beliau berasa bertanggungjawab dan tersentuh berkaitan isu berkenaan.

Menurutnya, pelan tindakan yang dikeluarkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), baru-baru ini dilihat tidak cukup bagi mengatasi permasalahan itu.

Amanah mohon
Agong tubuh RCI
siasat isu kartel
daging haram

6/1/2021

HARIAN METRO

LOKAL

6

Oleh Sri Ayu Kartika Amri, Ruwaida Md Zain, Ahmad Rabul Zulkifli dan Noorzura Abdul Rahman ama@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pendedahan kegiatan kartel daging import yang diragui statusnya di negara ini mengakibatkan berlaku peningkatan terhadap jualan daging tempatan, manakala jualan daging import kurang mendapat sambutan.

Tinjauan Harian Metro di Pasar Besar Alor Setar mendapati peniaga daging import mengalami kesan paling kerana apabila jualan mereka merosot hampir 50 peratus.

Peniaga, Mohd Farhan Che Ariffin, 32, berkata, jualan daging import berkurangan daripada 300 kilogram (kg) sehari kepada hanya 200kg hingga 180kg sehari sejak bulan lalu.

"Kebarang sava bermula di pasar ini sejak 1997, ini kali pertama kami rasa kesan agak teruk tempas daripada pendedahan isu kartel daging import yang tidak bertanggungjawab.

"Selangnya semasa musim cuti sekolah dan kenduri, ramai pelanggan akan membeli daging import namun kali ini permintaan agak kurang.

"Pelanggan sebenarnya tak perlu bimbang kerana kami mendapat bekalan daging import daripada pemborong yang sah dan halal dari India," katanya.

Peniaga lain, Mohd Fadli Mohd Rodhi, 35, berkata, jualan daging tempatan di gerai mereka kira-kira 100kg saja seminggu sebelum ini, tapi sekarang naik sikit ke pada 120kg seminggu.

"Jualan daging import pula berkurangan daripada 60kg

Ramai ragu beli daging import

Sambutan terhadap daging tempatan meningkat selepas pendedahan isu kartel



RAJA-RAYA pembeli cenderung memilih daging tempatan berbanding daging import kerana ragu-ragu status halalnya.

"Ini kali pertama kami rasa kesan agak teruk tempas daripada pendedahan isu kartel daging import yang tidak bertanggungjawab"

Mohd Farhan Che Ariffin

Jualan (daging tempatan) di gerai saya kira-kira 100kg sehari semingggu, sebelum ini, tapi sekarang naik sikit kepada 120kg semingggu"

Mohd Fadli Mohd Rodhi

Pelanggan juga bimbang daging import kerana ada pihak mengemukakan dakwaan karonnya daging import itu daging haram lain"

Motamad Faiz Badrudin

Peniaga di Pasar Bukit Besar, Kuala Terengganu, Mohamad Faiz Badrudin, 36, berkata, dia tidak pasti sampai bila permintaan daging yang dijual di pasar itu mampu bertahan.

"Sekarang nak dapat RM1,000 sehari pun sukar berbanding sebelum ini, jumlah jualan harian sebanyak RM3,000 sehari.

Tetapi, gara-gara isu daging import yang tular dan hangat dipertakakan mengenai status halal, permintaan daging juga terjejas teruk disebarkan pelanggan berasa ragu-ragu.

"Pelanggan juga bimbang untuk beli daging import kerana ada pihak mengeluarkan dakwaan kononnya daging import itu daging haram lain dan bukan daging lembu," katanya.

Tinjauan di Pasar Raja Bot atau lebih dikenali sebagai Pasar Chow Kit, Kuala Lumpur pula mendapati rata-rata peniaga daging masih menjual daging import.

Bagi peniaga daging, Khairuddin Mohd Nour, 30, berkata, pelanggannya masih membeli daging import namun mereka rajin bertanya status halal terlebih dahulu sebelum memberikan penjelasan mendepankannya daripada pembeli yang ditiraf.

"Ada juga pelanggan meminta daging tempatan, tapi tak sampai menjelaskan permintaan daging import.

"Harga daging tempatan dijual lebih mahal berbanding daging import. Harga daging import masih kekal sama iaitu sekitar RM20 satu kg berbanding daging tempatan sekitar RM30 ke atas bagi satu kg.

Selain itu, peniaga daging, Nazri Mohamed, 33, turut mengakui rata-rata peniaga di Pasar Chow Kit menjual daging import.

"Daging tempatan ada juga karci jual, tetapi selangnya pada jumaat, Sabtu dan Ahad," katanya.

terutama penyembelihan dan pembungkusan. "Bukan sahaja daging tempatan, malah daging import juga perlu sebab harga berbeza dua kali ganda, sebab bukan semua orang mampu beli daging tempatan," katanya.

Kesedaran berbeza berlaku di Terengganu apabila jualan daging import mahupun daging tempatan didakwa terjejas teruk susulan isu daging import haram yang berlaku di negara ini.

terutama penyembelihan dan pembungkusan. "Bukan sahaja daging tempatan, malah daging import juga perlu sebab harga berbeza dua kali ganda, sebab bukan semua orang mampu beli daging tempatan," katanya.

Kesedaran berbeza berlaku di Terengganu apabila jualan daging import mahupun daging tempatan didakwa terjejas teruk susulan isu daging import haram yang berlaku di negara ini.

Headline	Only make assessment on agricultural loss 45 days after water receded		
MediaTitle	China Press		
Date	06 Jan 2021	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A9	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	223 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,399
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,196



水退45天才評估農業損失

（巴西沙叻5日讯）农业及食品工业部长拿督斯里罗南建迪指出，政府只能在水灾消退后的45天内，评估水灾对数个州属造成的农作物破坏及亏损额。

他说，该部密切监督此事及收到受灾区报告，包括综合农业发展区的稻田。

“部门了解农民及畜牧业者面对水灾的焦虑及困境。

“我们知道霹雳、柔佛及彭亨州发生水灾。肯定在水灾消退后我们才能评估。”

罗南建迪今日在实勿朗霹雳综合农业发展区出席稻米种子派发活动后，向记者这么说。

他提到，部门每年拨款约8000万令吉给农业，作为天灾援助基金协助受灾者。



■罗南建迪（前排左2）派发稻米种子给受惠的农民。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/12/2021	THE SUN	NEWS WITHOUT BORDERS	2

Tracking system for padi seeds

PASIR SALAK: The Agriculture and Food Industries Ministry, via the National Farmers' Organisation (Nafas), has introduced a tracking system known as TrekBPS, for the supply of padi seeds approved by the government.

Its minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said the system ensures that farmers use permitted padi seeds for a quality yield that can be sold at a reasonable price, Bernama reported.

"This system prevents suppliers from changing the seed bags, sold at a maximum of RM35 each, thus protecting farmers. The new approach has been adopted for the present planting season and we hope it will resolve the problem of seed shortage, price and quality," he said yesterday.

Nafas public sector business director Saripol Baharin Karim said TrekBPS monitors everything from distribution to transactions between the producer, agent and farmer. He said the digital system using a Quick Response code is more systematic and transparent, with an additional packaging security feature.

6/12/2021

SINAR
HARIANNEGERI
PERAK/
P.PINANG

21

Pantau pengedaran benih padi sah

Nafas guna sistem TrekbPS bantu lindungi pesawah, elak berlaku ketirisan

Oleh SAIFULLAH AHMAD

PASIR SALAK

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan memperkenalkan sistem Trekb Padi Sah (TrekbPS) bagi memantau aktiviti pengedaran benih padi sah.

Sistem tersebut akan digunakan oleh Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) yang secara rasmi menjadi ejen tunggal bagi pengedaran benih padi sah.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, pendekatan baharu yang diperkenalkan itu akan membantu

pesawah mengatasi masalah ketiadaan benih dan harga benih padi sah.

“Hari ini kita lancarkan sistem TrekbPS. Melalui sistem ini, beg benih padi tidak boleh ditukar dan dijual melebihi harga siling RM35 yang ditetapkan.

“Pendekatan ini diperkenalkan bagi memastikan pesawah dilindungi dan mendapat benih padi yang sah. Harga yang sedia ada tidak boleh ditukar dengan adanya sistem ini,” katanya kepada pemberita selepas Program Agihan Benih Padi Sah dan Ziarah Peladang Negeri Perak di Perkarangan IADA Seberang Perak, Chenderong Balai, di sini pada Selasa.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah; Exco Perlindungan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Razman Zakaria dan Exco Pembangunan Luar Bandar, Pembangunan Usahawan



Ronald melakukan gimik pengenalan TrekbPS pada Program Agihan Benih Padi Sah dan Ziarah Peladang Negeri Perak di Perkarangan IADA Seberang Perak, Chenderong Balai pada Selasa.

dan Koperasi Perak, Datuk Zainol Fadzil Paharudin merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Manik. Sementara itu, Pengarah Bisnes Sektor Awam Nafas, Saripol Baharin Karim menjelaskan sistem TrekbPS itu me-

Katanya, sistem tersebut

mempunyai ciri keselamatan dengan menggunakan kod QR atau tag Near Field Communication (NFC) yang dicadangkan SIRIM.

“Melalui sistem ini juga, agen atau Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) boleh membuat tuntutan subsidi selepas beg benih padi sah diterima pesawah. Seterusnya, Agrobank akan membuat pembayaran kepada Nafas berdasarkan jumlah benih padi sah yang dibeli pesawah.

“Kesemua transaksi dibuat secara langsung bagi memastikan tiada ketirisan maklumat yang berlaku dan dapat mengelakkan penyelewengan kuantiti, harga dan kualiti jenis benih padi sah,” katanya.

Sementara itu, Ronald turut mengadakan Ziarah Peladang dengan bertemu beberapa peladang yang berjaya memperoleh hasil tertinggi di Dewan IADA Seberang Perak, Parit 12, Labu Kubong dan Parit 13 A, Sungai Manik.

Headline	TrekBPS helps with supply chain monitoring		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	06 Jan 2021	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	7	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	104 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 580
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,740



TrekBPS helps with supply chain monitoring

PASIR SALAK: The Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI), via the National Farmers' Organisation (Nafas), has introduced a tracking system known as TrekBPS (trek benih padi sah), for the supply of authorised paddy seeds.

Its minister, Datuk Seri Dr Ronald Kiang, said that the system ensures that farmers use permitted paddy seeds for a quality yield that can be sold at a reasonable price.

"This system prevents suppliers from changing the seed bags - sold at a maximum RM35 per bag - thus protecting farmers.

"The new approach has been adopted for the present planting season and we hope it will resolve the problem of seed shortage, price and quality," he told reporters today after an event to distribute seeds and meet farmers at the Seberang Perak, Chenderong Balai Integrated Agricultural Development Area yesterday.

Nafas was selected as the sole



Ronald

agent for the distribution of authorised paddy seeds in Malaysia in October.

Nafas public sector business director, Saripol Baharin Karim, said TrekBPS monitors everything from distribution to transactions between the producer, agent and farmer.

He said the digital system using a Quick Response (QR) code is more systematic, transparent and an additional packaging security feature.

Training for B40 community in pineapple, poultry farming

Collaborative programme aims to ensure high-quality productivity, supply

By REMAR NORDIN
metro@thestar.com.my

ONE thousand farmers from the B40 group will be selected to be part of a corporate social responsibility (CSR) programme that provides training in pineapple and poultry farming.

State agriculture, agro-based and rural development committee chairman Datuk Samsolbari Jamali said the programme was a collaborative effort between Aqina Holdings Sdn Bhd and Ihsan Johor Relief Association that would run for two years.

"The state government always welcomes joint efforts between big and small agricultural players, especially in the context of contract farming.

"This will help both parties in terms of ensuring high-quality productivity and supply and this will subsequently give way to healthy business in the industry," he said in Johor Baru.

He added that the collaboration between the two groups would also lay the foundation to better management of demand and distribution of goods.

"One of our main objectives is to support farmers who are willing to change their lives and support the state government plans of establishing a food security initiative.

"This will also benefit the B40 group, especially those who have lost their jobs due to the pandemic," said Samsolbari.

He said the state government would play its role in ensuring each farmer would have the opportunity to work for Aqina.

He elaborated that the company had also agreed to donate a percentage of its revenue to non-governmental organisations (NGOs) involved in the CSR programme to help the local B40 community.



Samsolbari (third from left) during his visit to Aqina pineapple plantations in Kukup, Pontian.

"The NGOs will play their role in terms of supplying the workforce to Aqina, aside from distributing 10,000 chickens produced by the company to the needy," he said.

"The pineapples take about 18 months to grow before they can be harvested, but the contract farmer will still receive a monthly income from the company during this period.

"The company will also provide farmers with accommodation and standard farm facilities.

"And after three cycles of success in pineapple farming, the farmers will be able to get a bank loan to upgrade their business," he added.

Samsolbari said that aside from Ihsan Johor Relief Association, the company would be working with other NGOs, such as Suria Welfare Foundation Johor Baru and Sooriya



The MD2 pineapples grown at the plantations in Kukup, Pontian.

6/1/2021

HARIAN
METRO

LOKAL

9

Rompin: Banjir sejak Ahad lalu menyebabkan pesawah sekitar Kuala Rompin di sini, berdepan risiko sawah baru diusahakan tidak menjadi jika banjir berpanjangan.

Pesawah, Abdul Manaf Said, 43, dari Kampung Paya Laka berkata, nasib tidak menyebelahnya apabila banjir berlaku tiga hari selepas menyemai benih padi

di sawah miliknya, seluas 1.2 hektar.

"Arus deras banjir boleh menyebabkan benih disemai dibawa air dan jika banjir berpanjangan, ada risiko padi tidak tumbuh atau diserang siput gondang," katanya, semalam.

Sementara itu, seorang

lagi pesawah, Rashid Abdul Rahman, 45, dari Kampung Paya Sepayang di sini, berkata beliau membelanjakan RM4,500 untuk menyemai dan meracun sawah berluas 1.214 hektar, sebelum ini.

Pelau yang mengusahakan tanaman berkenaan

Pesawah gusar padi tak menjadi

bersama bapa, Abdul Rahman Harun, 68, menyifatkan banjir kali ini antara terburuk kerana air naik mendadak dalam masa cepat.

"Risau arus deras boleh menyebabkan batang pokok dihanyutkan sehingga ke sawah, selain batas padi rosak. Saya harap banjir tidak

rang berhasil.

"Memang tak boleh nak buat apa, anggap sahaja ini cabaran dan risiko kami perlu hadapi walaupun perit dan menjejaskan pendapatan kami," katanya.

Tinjauan mendapati rata-rata sawah berkeluasan 280 hektar milik 122 petani di Paya Sepayang, ditenggelami air susulan hujan berpanjangan di negeri ini.



RASHID melihat kemusnahan anak padi yang baru ditanam di Kampung Paya Sepayang, semalam. Seramai 122 pesawah kampung itu berdepan kerugian apabila sawah seluas 280 hektar ditenggelami banjir sejak dua hari lepas.